




KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **87 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **59,349 kes**. Tiada kes kematian direkodkan hari ini.

- 2 Jumlah pesakit COVID-19 discaj dari hospital / sembah 48 menjadikan jumlah kumulatif 58,216 orang. Seramai 522 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 224 orang di hospital dan 298 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam. Bilangan pesakit dalam ICU pula ialah 37 orang dan 22 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Kinabatangan berubah dari zon merah ke zon jingga.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah lapan (8) daerah
- Zon Jingga dua (2) daerah
- Zon Kuning sembilan (9) daerah
- Zon Hijau lapan (8) daerah

5 Terdapat satu (1) kluster baharu direkodkan hari ini.

Kluster Jalan Menteri di Kota Kinabalu dan Penampang merekodkan jumlah kumulatif sebanyak sembilan (9) kes dengan dua (2) kes didaftarkan di daerah Kota Kinabalu, manakala baki tujuh (7) kes di Penampang. Kes indeks merupakan suri rumah, 48, yang disahkan positif melalui RT PCR pada 10 Mei 2021 selepas mengalami gejala dan telah dimasukkan ke Hospital Queen Elizabeth Kota Kinabalu. Saringan kontak rapat yang dijalankan oleh pasukan kawalan kemudian mendapati lapan (8) lagi kes positif COVID-19. Berdasarkan siasatan awal, kes indeks dipercayai mendapat jangkitan ketika menghadiri mesyuarat keagamaan pada 28 April 2021 dan 05 Mei 2021 di Tingkat 1, Pusat Paroki Gereja Sacred Heart, Jalan Menteri Kota Kinabalu. Aktiviti kawalan dan pengesanan kontak masih giat dijalankan.

- 6 Daripada 87 kes positif COVID-19, sebanyak 40 kes (46 %) adalah berpunca dari saringan kontak rapat, 16 kes (18.4%) saringan bergejala, 21 kes (24.1%) dari kluster baharu dan sedia ada serta 10 kes (11.5%) dari lain-lain kategori.
- 7 Jumlah kapasiti katil 3,999 unit
- Hospital 569 unit
 - Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 2,910 unit
 - Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 520 unit.
- Peratus penggunaan katil 13.05%.

B AKTIVITI RENTAS DAERAH

- 1 Seperti yang diumumkan lebih awal Sabah akan kembali melaksanakan sekatan rentas Zon mulai esok.
- 2 Walau bagaimanapun, **LARANGAN AKTIVITI RENTAS DAERAH** akan dilaksanakan semula mulai **27 Mei hingga 3 Jun 2021** (Kota Kinabalu, Putatan dan Penampang dikategorikan satu (1) daerah).
- 3 Dalam tempoh tersebut, PDRM akan melaksanakan Sekatan Jalanraya (SJR). Pengguna Jalanraya yang **DIBERI PERMIT** oleh **PDRM** atau **DOKUMEN SAH** kebenaran merentas daerah sahaja yang **AKAN DIBENARKAN** meneruskan perjalanan ke daerah yang hendak dituju.
- 4 Masyarakat adalah dinasihatkan agar tidak **MENGAMBIL RISIKO** untuk mencuba nasib merentas daerah kerana PDRM akan mengambil tindakan untuk mengarahkan **BERPATAH BALIK**.
- 5 Tujuan larangan aktiviti rentas daerah adalah semata-mata untuk mengawal pergerakan individu dan mengurangkan kontak fizikal bagi membendung penularan COVID-19 di Sabah.

C STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Setakat ini bagi Fasa 1 Dos 1 Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan, **tiada** suntikan baharu dibuat menjadikan jumlah kumulatif kekal sebanyak **56,285** orang.
- 2 Bagi Fasa 1 Dos 2 vaksin, **tiada** suntikan baharu vaksin harian dibuat menjadikan jumlah kumulatif kekal sebanyak **50,565** orang.
- 3 Bagi Fasa 2 Dos 1 Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan, tiada suntikan baharu dibuat menjadikan jumlah kumulatif kekal sebanyak **31,795** orang.
- 4 Bagi Dos 2 vaksin Fasa 2, tiada suntikan baharu vaksin harian dibuat menjadikan jumlah kumulatif kekal sebanyak **4,421** orang.
- 5 Bilangan pendaftaran penerima vaksin hari ini sejumlah **773** menjadikan jumlah kumulatif yang mendaftar setakat ini sebanyak **489,963** (mysejahtera 429,891 : laman web 59,829 : talian vaksinasi 243) bersamaan 16.7%.

D BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Setakat hari ini, sejumlah **321,419** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 2.0.

E LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS*

- 1 Sejumlah 54 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 18,239 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 209 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 55 hebahan melalui kereta peronda dengan tiada tangkapan dibuat.

- 2 Sebanyak 22 kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.
- Lima (5) orang : Tidak memakai pelitup muka
 - 14 orang : Rentas negeri/daerah tanpa kebenaran
 - Tiga (3) orang : Gagal menyediakan peralatan/Merekod butiran diri
- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 103 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 39 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan, tiada tangkapan dibuat.
- 4 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 214 lokasi melibatkan seramai 115 anggota APM.
- 5 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 54 anggota di 40 lokasi.
- 6 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di satu (1) premis, melibatkan satu (1) buah daerah iaitu di daerah Sandakan.

F KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKPB pada hari ini ialah **97.2%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Ranau	98%
2	Beaufort	98%
3	Tenom	98%
4	Sipitang	98%
5	Beluran	98%
6	Kudat	97.5%
7	Penampang	97.5%
8	Kota Belud	97.5%
9	Keningau	97%
10	Kinabatangan	97%
11	Kota Marudu	97%
12	Lahad Datu	97%
13	Tuaran	97%
14	Kunak	97%
15	Semporna	97%
16	Papar	96.5%
17	Sandakan	96.5%
18	Tawau	96%
19	Kota Kinabalu	96%

- 2 Ayuh, segera daftarkan diri anda untuk menerima vaksin COVID-19 melalui MySejahtera.

Sekian.

#LindungDiriLindungSemua

YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN

DAN

MENTERI KEWANGAN II

16 MEI 2021